

Headline	TH serah zakat perniagaan RM5.63j		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Apr 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	11	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	229 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,864
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,592



TH serah zakat perniagaan RM5.63j

Putrajaya: Lembaga Tabung Haji (TH) menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM5.63 juta bagi tahun 2014 kepada Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP).

Zakat perniagaan itu disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TH, Tan Sri Ismee Ismail kepada Pengerusi PPZ-MAIWP, Datuk Che Mat Che Ali di sini, semalam.

Majlis penyerahan zakat itu disaksikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Jumlah pembayaran zakat bagi Wilayah Persekutuan tahun lalu mencatatkan peningkatan 11.6 peratus atau RM584,480 berbanding tahun

sebelumnya.

Jumlah keseluruhan zakat perniagaan TH bagi tahun kewangan 2014 yang dibayar kepada pusat pungutan zakat di seluruh negara berjumlah RM49.87 juta berbanding RM46.29 juta pada tahun 2013.

Peningkatan jumlah zakat itu sejajar dengan prestasi dan pencapaian keseluruhan TH yang memberangsangkan pada tahun lalu.

Selain pembayaran kepada pusat zakat, TH turut mengagihkan zakat secara terus kepada asnaf melalui program tanggungjawab sosial korporat yang dijalankan sepanjang tahun.



Jamil Khir (tengah) menyaksikan majlis penyampaian zakat perniagaan Tabung Haji 2014 oleh Ismee (dua dari kiri) kepada Che Mat di JAKIM Putrajaya. Yang turut hadir Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Othman Mustapha (kanan) dan Pengarah Tabung Haji Wilayah Persekutuan, Zaiton Mohd Yusoff. [FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]